

# PM: KDNK

## tahun lalu melebihi

## unjuran rasmi

SHAH

ALAM 21 Feb. -

UM

22 FEB 2000

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu dijangka tumbuh melebihi unjuran rasmi 4.3 peratus yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2000, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

“Ada kemungkinan (pertumbuhan) yang tinggi sedikit daripada itu,” kata beliau selepas merasmikan kilang telefon mudah alih Ericsson di sini hari ini.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin ketika membentangkan Belanjawan 2000 pada 29 Oktober lalu mengunjurkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.3 peratus bagi sepanjang tahun 1999.

Ditanya mengenai pembentangan semula belanjawan itu pada 25 Februari, Perdana Menteri berkata, ia adalah pembentangan yang sama dan tiada pengumuman baru akan dibuat termasuk spekulasi terhadap kemung-

kinan pemotongan cukai korporat.

Dr. Mahathir berkata, “Ia adalah pembentangan yang sama, cuma akan dibaca semula sahaja.”

Pembentangan pertama Belanjawan 2000 dibatalkan selepas Dewan Rakyat dibubar pada 11 November lalu bagi menghadapi pilihan raya umum ke sepuluh, semasa ia sedang dibahaskan.

Sementara itu, Perdana Menteri juga menambah, sekarang adalah masa yang sesuai bagi pelabur-pelabur asing Malaysia kerana kadar tukaran matawang ringgit adalah amat murah berbanding dolar Amerika.

Beliau menolak kemungkinan kadar tukaran ringgit pada RM3.80 bagi sedolar akan diubah.

“Kita sebenarnya tidak ada niat mahu menukar kadar tukaran ringgit,” kata Perdana Menteri lagi.